

# Penerapan Contact Theory Dalam Model SCL Case Study Dan Project-Based Learning Untuk Kursus Hubungan Etnik Di Universiti Putra Malaysia

*(The Application of Contact Theory in Case Study and Project-Based Learning SCL Model for Ethnic Relations Course in University Putra Malaysia)*

Arfah Ab. Majid<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: m\_arfah@upm.edu.my

Accepted: 1 March 2020 | Published: 31 March 2020

**Abstrak:** *Kursus Hubungan Etnik merupakan salah satu kursus umum universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar universiti awam dan swasta bermatlamat untuk mempromosikan kesatuan dalam kepelbagaian di Malaysia. Dalam usaha mencapai objektif ini, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran termasuklah Student Centered Learning (SCL) telah digunapakai oleh pensyarah-pensyarah kursus Hubungan Etnik. Kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar ini memerlukan kontak, interaksi dan kerjasama yang tinggi antara pelajar. Dengan tercetusnya lebih banyak kontak sesama pelajar berbilang etnik dan agama, hubungan antara mereka dijangkakan akan menjadi lebih erat dan harmoni. Contact theory ini telah diperkenalkan oleh Gordon Allport (1954). Menurut beliau, kontak yang memenuhi syarat-syarat tertentu dapat mengurangkan prejudis dan memperbaiki hubungan antara etnik. Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk meneroka kaedah pelaksanaan beberapa model SCL yang biasa dilaksanakan iaitu case study, project-based learning dan gabungan kedua-dua model ini, menganalisis penerapan contact theory dan menguji tahap kuantiti dan kualiti kontak untuk kesemua model SCL ini. Kajian ini menggunakan pendekatan mix-method iaitu kualitatif dan kuantitatif untuk mencapai objektif. Untuk mendapatkan maklumat berkenaan kaedah pelaksanaan model-model SCL dan penerapan contact theory, rekabentuk kajian kes (kualitatif) dengan menggunakan temubual dan analisis dokumen kepada kumpulan-kumpulan kuliah tertentu telah dilaksanakan. Pensyarah-pensyarah dan kumpulan-kumpulan kuliah yang terlibat telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Selain itu, sebuah tinjauan (kuantitatif) dengan menggunakan borang soal selidik telah diedar kepada pelajar-pelajar kumpulan berkenaan diakhir semester untuk mendapatkan data berkaitan tahap kuantiti dan kualiti kontak. Hasil kajian mendapati kesemua model SCL telah menerapkan contact theory dengan baik dalam pelaksanaannya. Namun yang demikian, analisis tahap kuantiti dan kualiti kontak menunjukkan bahawa gabungan model SCL case study dan project-based learning mencapai tahap kuantiti dan kualiti kontak yang paling tinggi berbanding case study dan project-based learning sahaja. Walaupun terdapat banyak faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi tahap kuantiti dan kualiti ini, gabungan model SCL case study dan project-based learning boleh dipertimbangkan untuk diaplikasikan oleh pensyarah kursus Hubungan Etnik sebagai model SCL mereka untuk pengajaran dan pembelajaran kursus tersebut.*

**Kata kunci:** Hubungan etnik, contact theory, Student Centered Learning (SCL)

**Abstract:** *Ethnic Relations Course is one of the general university courses that is compulsory for all public and private university students with the aim of promoting unity in diversity in Malaysia. In order to achieve this objective, various teaching and learning methods including Student Centered Learning (SCL) have been used by the lecturers of Ethnic Relations course. This student-centred method of learning requires high levels of contact, interaction and collaboration between students. With the onset of more contacts among students of different ethnic and religious backgrounds, they are expected to be closer and more harmonious. Contact theory was introduced by Gordon Allport (1954). According to him, contacts that meet certain conditions can reduce prejudice and improve ethnic relations. This study aims to explore the methods of implementing several commonly used SCL models namely case study, project-based learning and the combination of both of these models, to analyse the application of contact theory and to examine the quantity and quality of contact for all SCL models. This study used mix-method approach namely qualitative and quantitative to achieve the objectives. In order to obtain information on the methods of implementing SCL models and the application of contact theory, a case study research design (qualitative) using interviews and document analysis to specific lecture groups was carried out. The lecturers and the lecture groups involved were selected using purposive sampling technique. In addition, a survey (quantitative) using questionnaire forms were distributed to the students of the particular groups at the end of the semester. The results show that all SCL models have incorporated the contact theory properly in their implementation. Nonetheless, the analysis on the quantity and quality of contact shows that the combination of case study and project-based learning SCL model achieves the highest level of quality and contact over case study and project-based learning only. Although there are many other factors that may influence its level of quantity and quality of contact, a combination of case study and project-based learning SCL model can be considered to be applied by the lecturers of Ethnic Relations course as their SCL model for teaching and learning this course.*

**Keywords:** Ethnic relation, contact theory, Student Centered Learning (SCL)

---

## 1. Pengenalan

Kursus Hubungan Etnik merupakan salah satu kursus umum di Universiti Putra Malaysia yang wajib di ambil oleh semua pelajar selain daripada kursus-kursus umum yang lain seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia. Kursus-kursus umum seperti Hubungan Etnik ini diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk semua universiti awam dan swasta untuk memupuk kefahaman, nilai hormat-menghormati dan kesatuan dalam kepelbagaian yang penting untuk pembinaan negara bangsa. Demi mencapai matlamat ini, pelbagai kaedah telah dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah berkenaan antaranya adalah pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk *Student Centered Learning (SCL)*. Memandangkan pendekatan SCL menekankan tanggungjawab pembelajaran ke atas pelajar, maka ia dijangka dapat menggalakkan lebih banyak kontak, interaksi dan kerjasama antara pelajar yang berbilang latar belakang etnik dan agama. Menurut Gordon Allport (1954), kontak yang terjalin dapat memperbaiki hubungan dan mengurangkan sikap prejudis antara kumpulan etnik yang berbeza jika memenuhi syarat-syarat tertentu iaitu persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan, persamaan matlamat, interaksi kooperatif dan sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa.

Justeru, antara objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka kaedah pelaksanaan beberapa model SCL yang biasa dilaksanakan oleh pensyarah iaitu *case study*, *problem-based learning*

dan gabungan kedua-dua model ini, menganalisis penerapan *contact theory* dalam model-model SCL ini dan menguji tahap kuantiti dan kualiti kontak untuk model-model SCL ini.

## 2. Ulasan Kajian Lepas

### *Contact Theory*

*Contact theory* merupakan sebuah teori yang telah dipelopori oleh Gordon Allport (1954). Teori ini merupakan di antara teori utama untuk menangani bias di antara individu yang berada dalam kumpulan yang sama atau kumpulan yang berbeza dan ia juga merupakan teori yang mencadangkan intervensi yang boleh menyusun semula jurang sosial (Paluck & Green, 2009). Menurut Allport (1954), kontak antara kumpulan boleh mendatangkan kesan yang positif apabila ia memenuhi empat syarat berikut:

1. Persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan
2. Persamaan matlamat
3. Interaksi kooperatif
4. Sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa

Syarat-syarat utama ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan ketiadaan salah satu syarat akan menjejaskan keberkesanan syarat yang lain. Contohnya, persamaan matlamat adalah salah satu daripada faktor penting (Chu & Griffey, 1985), namun, faktor ini mungkin menjadi kurang berkesan sekiranya ia tidak berlangsung bersama interaksi kooperatif (Gaertner, Dovidio, Rust, Nier, Banker & Ward, 1999).

Para penyelidik telah membuktikan bahawa, sekolah yang tinggi integrasi dari segi komposisi etnik dapat menggalakkan kefahaman rentas-etnik seterusnya berpotensi mengurangkan stereotaip dan bias. Bagi sekolah yang rendah integrasi pula, pelajarannya kurang peluang pembelajaran seperti ini. Penyampaian maklumat tentang etnik lain melalui program yang tidak langsung dan tidak mengaplikasikan kontak antara kumpulan menunjukkan impak yang kurang ke atas tingkah laku pelajar (Aboud & Amato, 2001).

Terdapat tiga mekanisme dimana pembelajaran tentang etnik atau masyarakat lain boleh mengurangkan bias dan prejudis. Pertama, maklumat tentang etnik lain boleh mengurangkan stereotaip apabila seseorang mempunyai peluang untuk membina perhubungan baru yang bebas stereotaip dengan ahli-ahli dalam sesebuah kumpulan etnik (Kawakami, Dovidio, Moll, Hermsen, & Russin, 2000). Kedua, pengetahuan tentang etnik lain boleh mengurangkan perasaan tidak pasti dan tidak selesa apabila berinteraksi dengan mereka. Ini akhirnya akan mengurangkan kecenderungan untuk mengelakkan interaksi dengan ahli-ahli kumpulan etnik yang lain (Gaertner & Dovidio, 1986). Ketiga, peningkatan kefahaman antara budaya termasuk kefahaman tentang latar belakang sejarah dan sensitiviti budaya boleh menimbulkan kesedaran tentang ketidakadilan dan seterusnya mengurangkan prejudis (Dovidio, Gaertner & Kawakami, 2003).

Data daripada sebuah kajian meta-analisis menunjukkan bahawa program intervensi yang berasaskan kontak secara langsung (contohnya perjumpaan dan pembelajaran berbentuk kerjasama) dan program intervensi yang berasaskan kontak bukan secara langsung (contohnya program kontak lanjutan seperti paparan hubungan positif dan persahabatan di dalam buku, filem atau cerita bergambar) adalah berkesan dalam mengurangkan prejudis (Lemmer & Wagner, 2015).

### ***Student Centered Learning***

Antara prinsip-prinsip utama dalam SCL adalah tanggung jawab pembelajaran terletak sepenuhnya ke atas pelajar, penglibatan dan penyertaan pelajar adalah penting untuk pembelajaran, hubungan antara pelajar adalah lebih setara dalam menggalakkan perkembangan dan kemajuan, pengajar atau guru menjadi fasilitator dan pengalaman pelajar sendiri merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran (Brandes & Ginnis, 1986).

Oleh yang demikian, persekitaran pembelajaran SCL sememangnya mementingkan aktiviti dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar itu sendiri. Ini bertentangan dengan penekanan yang diberikan pada kawalan pengajar atau guru dan liputan kandungan akademik yang bersifat konvensional (Cannon, 2000).

Walaupun SCL menyerahkan proses pembelajaran kepada pelajar, namun ia tidak bermakna pengajar atau guru tidak memainkan sebarang peranan. Peranan pengajar atau guru dalam pembelajaran yang berpusatkan pelajar adalah untuk menggalakkan pelajar melakukan lebih banyak penemuan dalam pembelajaran, menggalakkan pelajar belajar antara satu sama lain dan menumpukan pada pembentukan tugas yang tulen dan berkaitan dengan realiti kehidupan sebenar yang dapat mendorong penglibatan dan penyertaan pelajar (Weimer, 2002).

### ***Case Study***

Menurut John Foran (2002) sebuah kes adalah sebuah kisah benar atau realistik, sejenis masalah yang kebiasaannya menampilkan seorang pelaku dan berdepan dengan keperluan untuk membuat keputusan. Dalam kajian kes, perbincangan kumpulan akan menghasilkan analisis dan mencadangkan jalan penyelesaian atau tindakan sewajarnya berdasarkan maklumat yang diberi.

Berdasarkan kes-kes yang dikaji, konsep-konsep yang kompleks dapat difahami dengan mudah dan dengan mengulangi aplikasi konsep-konsep ini dalam beberapa kes, ia dapat diingati oleh pelajar untuk satu tempoh masa yang lama (Foran, 2001).

Selain daripada itu, *case study* atau kajian kes juga berupaya membentuk pemikiran kritis apabila ia melibatkan kemahiran menyoal dan membentuk pandangan yang teratur apabila pelajar perlu membina rangka kerja dalam membuat keputusan. Tambahan lagi, *case study* adalah sebuah pembelajaran berbentuk induktif yang berasaskan pengalaman dan dunia sebenar (Bruner, 1991).

### ***Project-based Learning***

John W. Thomas (2000) telah menyenaraikan lima kriteria untuk *project-based learning*. Antaranya ialah *project-based learning* merupakan teras sesebuah kurikulum, menumpukan pada persoalan atau permasalahan yang mendorong pelajar berdepan dengan konsep asas sesebuah disiplin, melibatkan pelajar dalam penyelidikan yang konstruktif, projek dijalankan oleh pelajar dan bersifat realistik.

*Project-based learning* berlainan dengan arahan yang diperolehi melalui kertas, hafalan atau guru atau pengajar yang menunjukkan fakta utuh atau maklumat yang jelas. *Project-based learning* menumpukan pada pengajuan soalan, masalah atau senario (Yasseri, Finley, Mayfield, Davis, Thompson & Vogler, 2018). Menurut Markham (2011), dalam *project-based learning*, pelajar bukan sahaja belajar ilmu dan elemen dalam kurikulum namun turut

mengaplikasikan apa yang mereka ketahui untuk menyelesaikan masalah dan menghasilkan keputusan yang sewajarnya.

### 3. Metodologi

Untuk mencapai objektif-objektif kajian ini, pendekatan *mix-method* telah digunakan. Untuk pendekatan kualitatif, reka bentuk kajian kes telah dipilih untuk mendapatkan maklumat berkaitan kaedah pelaksanaan *case study*, *problem-based learning* dan gabungan kedua-dua model ini dan maklumat berkaitan penerapan *contact theory* dalam model-model SCL ini. Kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana ia dapat menerangkan sesebuah fenomena yang berkaitan dengan acara, individu atau program (Gall, Borg, and Gall, 1996).

Kaedah temubual dan analisis dokumen telah dijalankan dengan meminta pensyarah kursus hubungan etnik yang telah dipilih secara bertujuan untuk mengemukakan manual dan panduan ringkas pelaksanaan SCL untuk kumpulan kuliah masing-masing. Antara pensyarah yang terlibat adalah pensyarah kumpulan 7 yang melaksanakan *case study*, pensyarah kumpulan 12 yang melaksanakan *project-based learning* dan pensyarah kumpulan 8 yang menggabungkan model SCL *case study* dan *project-based learning*.

Untuk mendapatkan maklumat berkaitan tahap kuantiti dan tahap kualiti kontak pula, satu tinjauan telah dijalankan dalam bentuk pengedaran borang soal selidik berkaitan kontak kepada semua pelajar daripada kumpulan-kumpulan terlibat di akhir semester iaitu semester 2, sesi 2017/2018. Jumlah pelajar yang terlibat adalah 78 orang pelajar dari kumpulan 7, 75 orang pelajar dari kumpulan 8 dan 80 orang pelajar dari kumpulan 12.

Perbincangan berikut berkisar tentang dapatan kajian yang berkaitan dengan kaedah pelaksanaan model SCL *case study* dan *problem-based learning*, penerapan *contact theory* dalam *case study*, *project-based learning* dan gabungan SCL dan tahap kuantiti dan kualiti kontak mengikut jenis SCL.

### 4. Kaedah Pelaksanaan Model SCL Case Study, Problem-Based Learning dan Gabungan SCL

#### *Case study (Kumpulan 7)*

Untuk kumpulan 7, pelajar dikehendaki untuk mengkaji tentang masalah yang telah dikenal pasti terutamanya berkaitan dengan masalah yang timbul disebabkan oleh kurang kefahaman dan nilai menghormati perbezaan antara agama. Semua ahli kumpulan dikehendaki turut serta dalam kerja lapangan.

Langkah pertama untuk *case study* ini, pelajar perlu membentuk kumpulan yang terdiri daripada ahli yang berbeza etnik, agama, negeri atau jantina. Seterusnya mereka dikehendaki untuk memilih topik yang ingin diketengahkan dan perlu mendapat persetujuan pensyarah terlebih dahulu (berasaskan kepada masalah yang dikemukakan). Pelajar kemudiannya perlu menyediakan satu kertas cadangan yang berkaitan dan perlu disemak oleh pensyarah dari masa ke masa. Mereka tidak dibenarkan keluar untuk menjalankan kerja lapangan selagi kertas cadangan tersebut tidak mendapat kelulusan pensyarah. Menurut pensyarah, pada kebiasaannya empat hingga lima kali semakan diperlukan sebelum kertas cadangan diluluskan. Setelah kertas cadangan mereka diluluskan, mereka dikehendaki untuk mengumpulkan data di lokasi yang dipilih iaitu di luar kampus UPM, Serdang.

Setelah data berjaya diperolehi, mereka perlu menganalisis data tersebut dan hasil analisis perlu dibentangkan sewaktu sesi pembentangan di kelas. Untuk mendapatkan perhatian daripada rakan sekelas yang lain ketika sesi pembentangan berlangsung, pensyarah telah menetapkan syarat kepada semua pelajar untuk bertanya soalan kepada kumpulan pembentang dan setiap soalan akan diberikan markah (M. R. Ramli, komunikasi peribadi, Januari 31, 2018).

### ***Project-based Learning (Kumpulan 12)***

*Project-based learning* kumpulan 12 dinamakan “Projek Kajian Etnik” yang merupakan tugas berkumpulan. Untuk projek ini, setiap kumpulan pelajar perlu memilih satu etnik tertentu untuk dijalankan kajian tentang keunikan etnik tersebut dari pelbagai aspek. Pelajar diberikan pilihan sama ada hendak menjalankan kajian perpustakaan atau kajian lapangan. Sebelum memulakan kajian, pelajar perlu menyediakan kertas cadangan yang perlu dihantar pada minggu kelima pengajaran. Hasil kajian seterusnya akan dibentangkan dalam bentuk *role play* dan pembentangan poster antara minggu kesepuluh hingga minggu ketiga belas pengajaran.

Sebagai langkah pertama untuk melaksanakan aktiviti SCL dalam bentuk *project-based learning*, pensyarah menerangkan tentang “Projek Kajian Etnik” yang perlu dilaksanakan oleh setiap kumpulan tugas. Kemudian pelajar perlu membentuk kumpulan kecil berjumlah lima hingga enam orang dengan syarat kumpulan tersebut mestilah melibatkan pelbagai etnik, jantina dan negeri asal. Setelah membentuk kumpulan tugas, pelajar dalam kumpulan masing-masing akan memulakan sesi *ice-breaking*. Pelajar seterusnya perlu membuat perbincangan dalam kumpulan berkenaan etnik yang akan mereka pilih untuk dikaji (N. Othman, komunikasi peribadi, Januari 30, 2018).

### ***Gabungan Case Study dan Project-based Learning (Kumpulan 8)***

Pensyarah kumpulan 8 telah mengenalpasti aktiviti yang dijalankan dalam bentuk ulasan samada ulasan buku, isu, filem, lagu, seni, kisah atau isu tular dan lain-lain sebagai gabungan dua jenis SCL iaitu *case study* dan *project-based learning*. Sebelum menjalankan aktiviti SCL gabungan ini, pelajar dikehendaki untuk membentuk kumpulan yang kecil di antara lima hingga enam orang dan digalakkan ada percampuran antara kaum, program dan jantina yang berbeza (mengikut kesesuaian).

Seterusnya, pensyarah akan memberi penerangan kepada pelajar berkenaan format ulasan yang dikehendaki dimana ulasan tersebut perlu melibatkan analisis yang turut menerangkan justifikasi pemilihan serta hubung kait dengan subjek. Pensyarah memberi kebebasan kepada pelajar untuk membuat ulasan sama ada ulasan buku, dokumentari, filem, kisah atau isu tular, lagu dan lain-lain. Tempoh yang diberikan untuk menghasilkan laporan adalah satu hingga dua minggu (H.A. Mak Din, komunikasi peribadi, Januari 30, 2018).

## **5. Penerapan Contact Theory dalam Case Study, Project-Based Learning dan Gabungan SCL**

Analisis berdasarkan *contact theory* ini akan menumpukan syarat yang ketiga iaitu interaksi kooperatif. Ini kerana, tiga syarat yang lain iaitu persamaan status ahli dalam sesebuah kumpulan, persamaan matlamat dan sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa sememangnya sudah berjaya dicapai oleh semua kumpulan kuliah dari awal lagi.

Syarat persamaan status contohnya telah tercapai diperingkat awal lagi apabila individu yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti SCL ini terdiri daripada individu yang berstatus pelajar Universiti Putra Malaysia. Selain daripada persamaan status sebagai pelajar universiti yang sama, mereka disatukan lagi dengan status sebagai pelajar tahun pertama. Sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa pula jelas apabila Kursus Hubungan Etnik merupakan kursus wajib universiti yang perlu diambil oleh semua pelajar sewaktu peringkat awal pengajian mereka sebagai syarat utama bergraduasi dan sebelum mereka mengambil kursus teras mengikut jurusan mereka masing-masing. Matlamat pelajar untuk mendaftar dalam kursus ini dalam memastikan mereka boleh bergraduasi sudah semestinya memenuhi syarat yang seterusnya iaitu persamaan matlamat. Oleh yang demikian, satu-satunya syarat kontak yang memerlukan penelitian lanjut adalah interaksi kooperatif yang akan diuraikan dalam sub-topik di bawah. Pensyarah-pensyarah setiap kumpulan terlibat telah mengenalpasti elemen interaksi kooperatif atau kerjasama dalam kalangan pelajar untuk model SCL masing-masing.

### ***Contact Theory dalam Case Study (Kumpulan 7)***

Setiap pelajar didorong untuk memainkan peranan masing-masing dalam tugas dan bekerjasama dengan setiap ahli kumpulan. Proses interaksi kooperatif yang berlaku dalam kalangan pelajar boleh dikenal pasti apabila mereka sering bertukar idea atau pendapat. Malah ketika sesi soal jawab dalam aktiviti analisis sesuatu masalah, mereka digalakkan bertanya dan mempertahankan idea kumpulan masing-masing. Semasa membentangkan dapatan kajian daripada *case study* juga mereka sering bertukar idea dengan rakan-rakan daripada kumpulan lain.

Hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek pembelajaran adalah keupayaan mereka untuk menghayati dan mempraktikkan sesuatu yang dipelajari dalam kehidupan mereka. Dari aspek hubungan antara etnik dan agama pula pelajar diharapkan supaya lebih menghormati dan menerima perbezaan etnik, agama, negeri dan jantina. Selain itu, mereka juga diharapkan mampu menjadi pemangkin atau ejen perpaduan apabila berada dalam masyarakat.

### ***Contact Theory dalam Project-based Learning (Kumpulan 12)***

Untuk *project-based learning* kumpulan 12, proses interaksi kooperatif dalam kalangan pelajar terjadi apabila pelajar perlu menjalankan perbincangan dan pembahagian tugas bagi menyelesaikan tugas. Selain itu, pelajar juga dikehendaki melaksanakan pembentangan tugas dan terlibat dalam sesi soal jawab antara pelajar yang semestinya memerlukan interaksi dan kerjasama antara mereka.

Untuk pembelajaran kursus ini sendiri, pelajar diharapkan dapat mengaitkan konsep asas hubungan etnik dengan persekitaran dan isu semasa. Melalui aktiviti SCL yang dijalankan juga, pelajar diharap mampu memberikan contoh yang relevan dengan isu yang terkini semasa menjawab soalan peperiksaan. Untuk hubungan antara etnik dan agama pula, pelajar diharapkan dapat memahami kepelbagaian latar belakang agama dan etnik yang berbeza, dapat bersikap lebih toleransi dan terbuka menerima perbezaan.

### ***Contact Theory dalam Gabungan Case Study dan Project-based Learning (Kumpulan 8)***

Proses interaksi kooperatif yang berlaku dalam kalangan pelajar dapat dilihat sewaktu pelajar mengadakan perbincangan dan membuat keputusan untuk memilih bentuk ulasan yang ingin mereka jalankan. Dalam proses membuat ulasan tersebut juga, pelajar dijangka akan membaca bahan bacaan atau menonton video (yang ingin diulas) bersama-sama seterusnya

membuat perbincangan bersama. Selepas perbincangan tersebut, pelajar akan membuat laporan dan menghantarnya kepada pensyarah.

Hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek pembelajaran adalah pelajar cakna terhadap isu-isu sekeliling dan berupaya mengaitkan apa yang dipelajari dengan realiti semasa. Melalui aktiviti SCL juga, pelajar dipupuk dengan kemahiran insaniah seperti kerja berkumpulan, pembahagian kerja dan membuat keputusan. Hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek hubungan antara etnik dan agama pula adalah menghargai kesepaduan yang sedia wujud, memahami realiti kehidupan secara integrasi melalui amalan kerja berkumpulan, meraikan perbezaan dan mempertahankan keharmonian dalam negara.

## 6. Tahap Kuantiti Kontak Mengikut Jenis SCL

Jadual 1 menunjukkan tahap kuantiti kontak mengikut jenis SCL yang berbeza. Berdasarkan jadual tersebut, *case study* dan gabungan SCL (iaitu *case study* dan *project-based learning*) menunjukkan tahap kuantiti kontak yang agak tinggi manakala *project-based learning* menunjukkan tahap kuantiti kontak yang agak rendah berdasarkan peratusan responden yang melaporkan tahap tinggi dibawah 50%. Untuk *case study*, 60.5% responden melaporkan tahap kuantiti kontak yang tinggi manakala 39.5% responden sahaja melaporkan tahap kuantiti kontak yang rendah. Kuantiti kontak untuk kumpulan yang melaksanakan gabungan SCL pula berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 62.1% dan cuma 37.9% berada di tahap rendah. Responden untuk *project-based learning* melaporkan tahap kuantiti kontak yang rendah iaitu sebanyak 69.10% berbanding tahap tinggi yang dilaporkan cuma 30.90%.

**Jadual 1: Tahap Kuantiti Kontak Mengikut Jenis SCL**

Tahap	Rendah (1.00 - 3.00) Kekerapan (%)	Tinggi (3.01 - 5.00) Kekerapan (%)
Jenis SCL		
Case study	30	46
	39.50%	60.50%
Project-based learning	47	21
	69.10%	30.90%
Gabungan SCL	22	36
	37.90%	62.10%

## 7. Tahap Kualiti Kontak Mengikut Jenis SCL

Jadual 2 memaparkan tahap kualiti kontak mengikut jenis-jenis SCL. Kesemua jenis SCL menunjukkan tahap kualiti kontak yang tinggi. Ini adalah kerana peratusan responden yang melaporkan tahap kualiti kontak yang tinggi melebihi 50%. Responden untuk *case study* contohnya melaporkan kualiti kontak yang tinggi iaitu sebanyak 80.3% berbanding yang rendah cuma 19.7%. Untuk gabungan SCL juga, tahap kualiti kontak yang tinggi telah dilaporkan iaitu sebanyak 81% manakala cuma 19% responden yang melaporkan tahap kualiti kontak yang rendah. Tahap tinggi yang dilaporkan untuk kualiti kontak bagi kumpulan 12 pula adalah sebanyak 69.1% berbanding 30.9% untuk tahap rendah.



**Jadual 2: Tahap Kualiti Kontak Mengikut Jenis SCL**

Tahap	Rendah (1.00 - 3.00) Kekerapan (%)	Tinggi (3.01 - 5.00) Kekerapan (%)
Jenis SCL		
Case study	15	61
	19.70%	80.30%
Project-based learning	21	47
	30.90%	69.10%
Gabungan SCL	11	47
	19.00%	81.00%

## 8. Perbincangan dan Kesimpulan

Untuk kumpulan kuliah (7 dan 8) yang mempunyai elemen SCL *case study*, kedua-dua kumpulan mempunyai tahap kuantiti dan kualiti kontak yang tinggi. Tahap kuantiti kontak bagi kumpulan 7 adalah 60.5% manakala bagi kumpulan 8 pula adalah 62.1%. Untuk tahap kualiti kontak pula, kumpulan 7 melaporkan 80.3% dan kumpulan 8 adalah 81% sedikit tinggi berbanding kumpulan 7. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam pendekatan *case study* untuk kedua-dua kumpulan, (contoh, pensyarah kumpulan 7 menggunakan pendekatan kajian lapangan manakala pensyarah kumpulan 8 menggunakan pendekatan ulasan buku, isu filem dan lain-lain), untuk model ini, pelajar berpeluang mempelajari tentang isu-isu yang kompleks, mengaplikasikan pemikiran kritikal dan meneroka senario tertentu yang berkaitan dengan hubungan etnik di Malaysia.

Berdasarkan analisis, dua kumpulan telah melaksanakan *project-based learning* iaitu kumpulan 8 dan 12. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan oleh pensyarah kedua-dua kumpulan agak berbeza. Pensyarah kumpulan 8 menumpukan pada ulasan seperti ulasan buku, isu atau filem sebagai sebahagian daripada projek para pelajar manakala pensyarah kumpulan 12 pula menggunakan pendekatan kajian perpustakaan atau kajian lapangan untuk projek berkaitan keunikan etnik-etnik tertentu. Analisis tahap kuantiti dan kualiti kontak pelajar juga menunjukkan perbezaan yang agak ketara antara kedua-dua buah kumpulan ini. Untuk kumpulan 8 yang menggunakan pendekatan ulasan, kuantiti kontak yang dilaporkan melebihi 50% iaitu 62.10% manakala tahap kuantiti kontak untuk kumpulan 12 yang menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dan kajian lapangan berada pada tahap agak rendah iaitu hanya 30.9% sahaja. Untuk kualiti juga, kumpulan 8 melaporkan tahap kualiti kontak yang agak tinggi iaitu 81% manakala kumpulan 12 walaupun berada pada tahap tinggi iaitu 69.10% namun jauh lebih rendah berbanding kumpulan 8.

Analisis ini menunjukkan bahawa di antara ketiga-tiga buah kumpulan kuliah yang di kaji, kumpulan 8 mempunyai kelebihan dan mengatasi dua buah kumpulan lagi iaitu kumpulan 7 dan 12 kerana hanya kumpulan ini yang menggabungkan kedua-dua elemen SCL di dalam aktiviti kuliahnya iaitu *case study* dan *project-based learning* pada masa yang sama. Walaupun kesemua kumpulan telah menerapkan *contact theory* dalam model SCL masing-masing, namun tahap kuantiti dan kualiti kontak untuk model SCL gabungan adalah yang tertinggi di antara kesemua model. Ini bermakna, model SCL gabungan seperti ini mempunyai potensi yang lebih baik untuk mengurangkan prejudis dan memperbaiki hubungan antara etnik.

Berdasarkan beberapa hasil penyelidikan yang lepas berkaitan dengan *contact theory*, kontak sememangnya telah terbukti dapat mengurangkan bias, stereotaip dan prejudis dalam kalangan masyarakat yang berbeza latar belakang etnik, agama mahupun jantina. Sesebuah kontak itu akan lebih berkesan jika ia memenuhi empat syarat utama iaitu persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan, persamaan matlamat, interaksi kooperatif dan sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa. Aktiviti SCL sememangnya sebuah platform yang baik untuk menerapkan *contact theory* namun ia memerlukan penelitian semula apakah pendekatan terbaik untuk memaksimumkan interaksi dan kerjasama untuk setiap model SCL tersebut. Gabungan *case study* dan *project-based learning* boleh dipertimbangkan oleh para pensyarah sebagai model SCL mereka kerana ia mempunyai tahap kuantiti dan kualiti yang jauh lebih baik berbanding pendekatan satu jenis SCL sahaja.

## Rujukan

- Aboud, F. E., & Amato, M. (2001). Developmental and socialization influences on intergroup bias. In R. Brown & S.L. Gaertner (Eds.), *Blackwell handbook of social psychology: intergroup processes* (pp. 65-85). Oxford: Blackwell.
- Allport, G.W. (1954). *The nature of prejudice*. Cambridge, Mass: Addison-Wesley.
- Brandes, D. and P. Ginnis (1986). *A Guide to Student-centered Learning*. Oxford: Blackwell.
- Bruner, R. (2002). *Socrates' muse: Reflections on effective case discussion leadership*. New York: McGraw-Hill.
- Cannon, R. (2000). *Guide to support the implementation of the Learning and Teaching Plan*. Australia: The University of Adelaide.
- Chu, D. & Griffey D. (1985). The contact theory of racial integration: the case of sport. *Sociology of Sport Journal*, 2, 323-3.
- Dovidio, J. F., Gaertner, S. L., & Kawakami, K. (2003). Intergroup contact: The past, present, and the future. *Group processes and intergroup relations*, 6, 5–20.
- Foran, J. (2001). The case method and the interactive classroom. *Thought and action*, 17(1). 41-51.
- Foran, J. (2002, June). *Student Guidelines for Case Discussion*. Retrieved from <http://casemethod.projects.soc.ucsb.edu/guidelines.html#foot1>
- Gaertner, S. L., & Dovidio, J. F. (1986). The aversive form of racism. In J. F. Dovidio & S. L. Gaertner (Eds.), *Prejudice, discrimination, and racism* (pp. 61–89). Orlando, FL: Academic Press.
- Gaertner, S. L., Dovidio, J. F., Rust, M. C., Nier, J., Banker, B., Ward, C. M. et al. (1999). Reducing inter-group bias: Elements of inter-group cooperation. *Journal of personality and social psychology*, 76, 388–402.
- Gall, M. D., Borg, W. R., & Gall, J. P. (1996). *Educational research: An introduction*. White Plains, NY: Longman.
- Kawakami, K., Dovidio, J. F., Moll, J., Hermsen, S., & Russin, A. (2000). Just say no (to stereotyping): Effects of training in negation of stereotypic associations on stereotype activation. *Journal of personality and social psychology*, 78, 871–888.
- Lemmer, G., & Wagner, U. (2015). Can we really reduce ethnic prejudice outside the lab? A meta-analysis of direct and indirect contact interventions. *European Journal of Social Psychology*, 45(2). 152–168.
- Markham, T. (2011). Project Based Learning. *Teacher Librarian*, 39(2). 38-42.
- Paluck, E. L., & Green, D. P. (2009). Prejudice reduction: What works? A Review and assessment of research and practice. *Annual review of psychology*, 60. 339-367
- Thomas, J. W. (2000). *A Review of research on project-based learnin*. California, USA: The Autodesk Foundation

- Weimer, M. (2002). *Learner-centered teaching: Five key changes to practice*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Yasseri, Dar., Finley, Patrick M., Mayfield, Blayne E., Davis, David W., Thompson, Penny., Vogler & Jane S. (2018). The hard work of soft skills: augmenting the project-based learning experience with interdisciplinary teamwork. *Instructional Science*, 46 (3). 457-488.